

10/06/2001

Bukan senang cari pengganti Menteri Kewangan

AKHIRNYA berita yang begitu lama ditunggu tiba. Soalan yang begitu lama ditanya terjawab. Dan teka-teki politik kedai kopi jadi kenyataan.

Tun Daim Zainuddin letak jawatan daripada kerajaan dan parti. Khabarnya perhimpunan agung Umno bulan ini pun dia boleh jadi tak hadir sebab bukan perwakilan.

Ada orang kata Daim merajuk. Ada kata Daim dah tak larat. Ada kata Daim nak berjalan makan angin. Ada kata dia nak berniaga balik.

Tapi ada juga yang kata Daim tak lama hilang. Mereka kata dia akan balik semula dalam bentuk lain untuk terus main peranan 'Mr Fix It' dalam politik dan ekonomi negara.

Kiau tak tahu apa sebab sebenar Daim berhenti kali ini. Yang Kiau tahu, dari awal lagi Daim keberatan ambil bahagian cergas dalam politik dan pentadbiran. Dia tak tahan birokrasi dan protokol. Pakai elok-elok pun dia tak suka.

Darah daging dia berniaga. Mula-mula dia berniaga garam. Kilang garam tutup dia dan rakan kongsi dia dekat-dekat bankrap. Lepas itu dia buka kilang plastik, dia buat projek perumahan atas tanah lombong dan masuk sektor kewangan.

Dia masuk politik fasal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minta tolong apabila ekonomi negara menghadapi krisis pada pertengahan 1980-an.

Kali pertama Daim masuk kerajaan untuk bantu Dr Mahathir ialah pada 1984. Masa itu dia kata dia duduk dalam Kabinet sehingga ekonomi pulih. Apabila ekonomi pulih, ada pula orang kata Daim kena duduk lama sikit supaya ekonomi lebih teguh.

Daim tunggu sampai tahun 1991 apabila Dr Mahathir rasa ada orang lain boleh ambil alih. Orang itu tak lain tak bukan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kawan baik Dr Mahathir dan Daim.

Apabila ekonomi hadapi krisis sekali lagi pada 1997, Dr Mahathir pujuk Daim balik semula - mula-mula jadi Menteri Tugas-Tugas Khas (1998) dan pada tahun berikutnya Menteri Kewangan.

Tapi sekarang soal yang lebih penting bukan Daim. Daim dah berhenti. Ada orang sedih dan ada orang suka. Ada orang sebak dada, ada orang lega. Maklumlah politik.

Soal yang penting sekarang ialah siapa selepas Daim. Melainkan Dr Mahathir bercadang pegang jawatan Menteri Kewangan untuk jangka masa panjang, seorang pengganti terpaksa dicari.

Kiau tak yakin hasrat Dr Mahathir untuk pegang jawatan Menteri Kewangan lama. Dia dah ada cukup tugas. Lagipun kalau dia pegang, tentu ada orang kata dia tak ada calon atau tak percaya orang lain boleh buat kerja itu.

Dia akan lantik pengganti Daim. Yang jadi tanda tanya hanyalah siapa, bila dan dalam konteks mana. Adakah dia akan lantik hanya Menteri Kewangan atau dia akan jadikan jawatan itu sebagai 'kenaikan pangkat' dalam hierarki kerajaan?

Suka tidak suka, kita kena akui jawatan Menteri Kewangan cukup penting. Penting di sudut tugas dan penting di sudut politik. Tengku Razaleigh Hamzah dan Anwar jadi begitu kuat bukan kerana mereka menteri, tapi kerana mereka Menteri Kewangan.

Soal kebolehan dan kemampuan penting. Tapi apabila seseorang itu dilantik Menteri Kewangan, dia boleh minta tolong orang lain kalau dia tak tahu atau tak faham. Dia boleh lantik penasihat dan pembantu.

Yang pasti ialah Menteri Kewangan cukup berkuasa. Dengan kuasa itu,

kalau dia mahu, dia boleh wujudkan pengaruh yang sama atau lebih hebat daripada Perdana Menteri. Dia boleh cabar bos dia kalau dia berani.

Maklum sajalah Menteri Kewangan jaga fulus dan jaga kontrak. Yang Kiau takut ialah salah-salah lantik, negara boleh bankrap atau jadi orang suruhan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Kalau pasaran saham dan pelabur tak yakin, ekonomi negara akan hadapi masalah yang lebih teruk.

Tapi kalau Perdana Menteri hendak perkukuh hierarki kerajaan dan lantik barisan yang bakal menggantikannya, dia tentulah pilih salah seorang menteri kanan untuk isi jawatan itu.

Siapa pun antara menteri kanan yang dilantik ke jawatan itu akan dianggap sebagai orang nombor dua atau nombor tiga dalam kerajaan.

Faktor kuasa dan pengaruh sangat penting. Sebab itulah dua kali berturut-turut Dr Mahathir bawa Daim masuk Kabinet jadi Menteri Kewangan.

Walaupun dua kali masuk Kabinet, Daim tetap tak berminat naik pangkat, apatah lagi lawan tauke.

Yang jadi masalah sekarang ialah bukan senang cari pengganti macam Daim. Kemampuan Daim mengurus ekonomi dan kewangan negara sukar ditandingi.

Tapi kalau orang yang akan dilantik itu tidak besar kepala dan sanggup belajar, Kiau rasa Daim bersedia jadi `coach`.

(END)